

29 MAR 2001

Fauzi-Jawatan

FAUZI SERAH SURAT PERLETAKAN JAWATAN ESOK

KUANTAN, 29 Mac (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Beserah Datuk Fauzi Abdul Rahman, akan mengemukakan surat perletakan jawatan dan mengosongkan kerusi DUN berkenaan kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob esok.

Fauzi, 55, berkata tindakannya untuk melepaskan kerusi DUN Beserah itu dibuat setelah mendapati majoriti cawangan Umno di Beserah tidak mencalonkan beliau untuk mempertahankan jawatan sebagai Ketua Umno Bahagian Kuantan pada pemilihan bulan depan.

"Ini bermakna ada penolakan oleh cawangna Umno di Beserah terhadap diri saya. Bila cawangan Umno di Beserah menolak, bermakna dia tak endorsed apa yang saya buat di kawasan saya dan menolak perkhidmatan ataupun apa yang saya lakukan," katanya pada sidang media selepas mengadakan pertemuan dengan Adnan di kediaman rasmi Menteri Besar di sini.

Difahamkan tindakan Fauzi untuk menyerahkan surat perletakan jawatan itu dibuat setelah beliau dikatakan gagal mendapatkan sekurang-kurangnya 13 pencalonan daripada 65 cawangan Umno di bahagian Kuantan bagi membolehkannya mempertahankan jawatan ketua Umno bahagian itu.

Seseorang anggota perlu mendapat pencalonan 20 peratus daripada jumlah cawangan Umno di sesuatu bahagian itu bagi membolehkannya bertanding jawatan ketua bahagian.

Menurut pejabat Umno bahagian Kuantan Fauzi setakat ini hanya menerima pencalonan daripada sembilan cawangan berbanding naib ketua bahagian Datuk Faisal Abdullah (29 pencalonan) dan Timbalan Ketua Datuk Wan Adnan Wan Mamat (20 pencalonan).

Fauzi berpendapat tindakan untuk tidak mencalonkan beliau bagi mempertahankan jawatannya itu akan merugikan masyarakat Beserah kerana mempunyai wakil rakyat yang mereka sendiri tidak boleh terima manakala beliau pula kerugian masa kerana membuat kerja yang tidak diterima orang.

"Atas asas itu saya berpendapat eloklah saya berundur selaku Adun Beserah dan mengosongkan kerusi itu. Kecuali kalau dilakukan siasatan oleh mana-mana pihak berwajib dan didapati ada unsur-unsur lain umpamanya rasuah, sogokan dan sebagainya.

"Kalau Umno di Beserah menolak saya kerana ketidaksempurnaan saya, mereka akan merugikan masa saja mempunyai wakil rakyat yang tak secocok atau tidak mendatangkan manfaat," kata beliau lagi.

Mengenai pertemuannya dengan Adnan, Fauzi berkata beliau dipanggil oleh Menteri Besar Pahang itu untuk mendapatkan penjelasan mengenai khabar-khabar angin bahawa beliau akan berundur daripada Umno.

Katanya, beliau berpegang kepada prinsip bahawa "saya naik melalui Umno. Bila saya naik melalui Umno...Umnolah yang menentukan kedudukan saya."

Fauzi berkata surat perletakan jawatannya itu sudahpun disediakan dan menurut prosedur, beliau selaku Anggota Dewan Undangan Negeri perlu menyerahkannya kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Ditanya mengapa beliau tidak membuat laporan kepada Jawatankuasa Disiplin Umno, beliau berkata beliau bukanlah jenis orang yang suka komplien, sebaliknya lebih suka membuat laporan polis yang disifatkannya sebagai "the first of many."

Beliau merujuk kepada laporan polis yang dibuatnya di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan kira-kira pukul 3 petang semalam terhadap Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob yang didakwa terlibat dengan penyelewengan

dan salahguna kuasa semasa menjadi Menteri Besar Pahang.

Katanya, beliau melaporkan perkara itu kepada pihak polis memandangkan perkara yang dilaporkannya itu tidak berkaitan dengan parti, sebaliknya merupakan perkara yang menyentuh soal pendapatan negeri.

"Selepas satu tahun dua bulan menjadi Adun saya tahu apa perasaan rakyat dan hak rakyat yang telah diketepikan. Semasa menjadi Adun, saya melibatkan diri dengan pentadbiran negeri dan saya rasa perbuatan itu (penyelewengan) merugikan," kata beliau lagi.

Dalam laporan polisnya itu, beliau mendakwa Khalil, yang juga Anggota Parlimen Kuantan, telah melakukan penyelewengan semasa menjadi Menteri Besar Pahang termasuk pemberian kawasan balak yang tidak mengikut prosedur.

"Tingkah laku beliau telah menjejaskan sumber kewangan dan aliran tunai kerajaan negeri sekarang. Ia juga menafikan hak rakyat kawasan DUN Beserah serta seluruh negeri Pahang daripada memperolehi peruntukan yang sewajarnya," kata beliau lagi.

Khalil menjawat jawatan Menteri Besar Pahang selama 13 tahun sejak 1986 sebelum dilantik sebagai Menteri Penerangan selepas memenangi kerusi Parlimen Kuantan pada pilihan raya umum lepas.

Ketua Polis Pahang Datuk Mohd Noor Hamat mengesahkan polis menerima laporan itu.

Sementara itu, Adnan berkata beliau tidak dapat memberikan sebarang ulasan kerana masih belum melihat isi kandungan surat berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya menerima surat itu kelak, beliau akan menelitinya dan akan membuat kajian berdasarkan laporan-laporan tertentu sama ada jumlah pencalonan yang diterima Fauzi benar-benar menggambarkan penolakan terhadap kepimpinan beliau.

"Perkara ini perlu kita lihat sebab setakat ini daripada laporan yang kita terima, Datuk Fauzi telah menjalankan tugasnya sebagai Adun Beserah dengan cemerlang. Saya sebagai MB sangat berpuas hati dengan prestasi beliau," katanya.

Beliau berkata perkara itu akan dipanjangkan kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mencapai keputusan bersama.

Katanya, beliau akan membuat cadangan kepada Dr Mahathir untuk pertimbangan yang lain sekiranya mendapati penduduk di Beserah masih memerlukan khidmat Fauzi.

Semasa ditanya tentang keputusan yang akan dibuat selepas menerima surat perletakan jawatan itu, Adnan berkata beliau tidak boleh membuat keputusan secara serta merta memandangkan beliau perlu memberi masa kepada Fauzi, sekurang-kurangnya untuk "cooling off period".

-- BERNAMA

ROS HIS AFY ZB